

<b>Headline</b>	Patuh sedia bantu jemaah Malaysia		
<b>MediaTitle</b>	Sinar Harian		
<b>Date</b>	25 Aug 2016	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Nasional	<b>Circulation</b>	279,000
<b>Page No</b>	9	<b>Readership</b>	837,000
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	156 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 2,661
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 7,983



## Patuh sedia bantu jemaah Malaysia

**MAKKAH** - Kira-kira 300 penduduk tempatan berketurunan Indonesia dan Thailand turut diambil bagi membantu Lembaga Tabung Haji (TH) dalam operasinya mengendali jemaah haji Malaysia dengan menjadi Pembantu Petugas TH (Patuh) saban tahun.

Ada yang sudah berkhidmat melebihi 20 tahun dan mereka ini fasih berbahasa Melayu serta Arab.

"Saya sudah 26 tahun berkhidmat dengan Tabung Haji sebagai pembantu pasukan kesihatan," kata Mustafa Bathul Bari, 52, berasal dari Indonesia.

Menurutnya, setiap tahun dia dipilih TH sebagai petugas sambilan.

"Saya rasa gembira dan tidak pernah menolak berkhidmat dengan Tabung Haji kerana seronok bekerja membantu mereka, dan juga jemaah Malaysia yang memerlukan khidmat kami," katanya yang bertugas sebagai kakitangan hotel, di sini.

Bagi Abdul Rahman Bayo, 40, yang berketurunan Melayu Thailand, dia sudah 10 tahun berkhidmat sebagai anggota Patuh di bahagian Operasi Masya'ir.

Katanya, keramahan rakyat Malaysia dan keterbelaan nasib apabila berkhidmat dengan TH, menyebabkaninya tertarik untuk terus membantu TH.



"Orang Malaysia (jemaah haji) baik dan Tabung Haji juga sangat bagus membantu kami pada setiap musim haji," katanya yang berkelulusan Universiti Al-Azhar.

Rakannya, Hamdi Ismail Baheh, 39, pula berkata, dia sudah 16 tahun bertugas secara sambilan bersama TH pada setiap musim haji.

Dia yang bertugas di maktab penginapan jemaah haji Malaysia berkata, keramahan rakyat Malaysia sangat menyentuh hatinya untuk berkhidmat dengan TH.

"Kami sudah macam keluarga dan apabila tamat musim haji, saya sentiasa dihubungi mereka bertanyakan khabar," kata bekas graduan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ini.

Seperti Abdul Rahman, mereka berdua juga merupakan petugas syarikat mengerjakan umrah milik rakyat Malaysia.

Bagi seorang petugas Patuh wanita, Musrifah Bukhari, 32, yang baru lima tahun bertugas dengan TH, dia berharap akan sentiasa terpilih pada tahun berikutnya.

"Bukan kami tak mahu bekerja dengan agensi haji negara lain, tetapi rasa bersyukur sangat dapat berkhidmat dengan Tabung Haji," katanya yang berketurunan Indonesia dan turut bekerja sebagai kakitangan hotel, di sini. - Bernama